

P.U. (A) 65.

UNDANG² MALAYSIA

Ordinan 80

ORDINAN No. 80 (KUASA² PERLU)
DHARURAT, 1971

Suatu Ordinan di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan.

[18hb Februari, 1971.]

P.U. (A)
145/69.

BAHAWA SA-NYA oleh sebab ada-nya dharurat besar mengancam keselamatan Malaysia, suatu Perisytiharan Dharurat telah di-keluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 Perlembagaan;

P.U. (A)
94/69.

DAN BAHAWA SA-NYA Parlimen telah di-bubarkan pada dua puluh haribulan Mach, 1969, dan belum lagi bersidang;

54/66.

DAN BAHAWA SA-NYA Yang di-Pertuan Agong ada-lah berpuashati bahawa tindakan segera ada-lah di-kehendaki bagi mengishtiharkan suatu Ordinan untuk meminda Akta Bidan, 1966;

MAKA ADA-LAH DENGAN INI DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2) Perkara 150 Perlembagaan seperti berikut:

Nama.

1. Ordinan ini boleh-lah di-namakan Ordinan No. 80 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971.

Pindaan
kapada
sekshen
11 (2) (b)
Akta 54/66.

2. Sekshen-kecil (2) sekshen 11 Akta Bidan, 1966 (kemudian daripada ini di-sebut sa-bagai Akta) ada-lah dengan ini di-pinda dengan memansokhkan perenggan (b) dan menggantikan-nya dengan suatu perenggan (b) baharu seperti berikut:

"Any person untrained in the practice of midwifery who within four years of the commencement of this Act, satisfies the Registrar that such person has during the period of two years immediately preceding registration under Part II of the Register, attended to women during childbirth."

Pindaan
kapada
sekshen
14 (2).

3. Sekshen-kecil (2) sekshen 14 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perkataan "four years" bagi perkataan "one year" yang terdapat dalam baris 3.

Di-ishtiharkan di-Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 13 haribulan Februari, 1971.

[MGN. (PA) R. 21.11/Jld. 8 (2).]

TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
Yang di-Pertuan Agong

DI-MANSOKHKAN
A.A. 109